

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Mualim Journal of  
Social Science and Humanities

## ANALISIS PENERAPAN NILAI MURNI MELALUI PENGAJARAN KARYA THIRUKURAL BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT

## INFUSION OF MORAL VALUES ON TEACHING OF THIRUKKURAL ON TAMIL LANGUAGE AMONG FORM 4 STUDENTS

Vasantakumaran Sekar \*<sup>1</sup>, Suppiah Nachiappan <sup>2</sup>  
C.Gengadaran <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Department of Educational Studies, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: [vasantakumaran95@yahoo.com](mailto:vasantakumaran95@yahoo.com)

<sup>2</sup> Department of Educational Studies, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: [suppiah@fpm.upsi.edu.my](mailto:suppiah@fpm.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Department of Tamil, Kumararani Meena Muthiah Arts and Science College, Adyar, Chennai, India. Email: [gengadaranc@gmail.com](mailto:gengadaranc@gmail.com)

\*Corensponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/152>

### Abstract

The purpose of this research is to study the infusion of moral values in teaching of Thirukkural in Tamil Language, among form 4 students. The objective of this study is to examine how teachers apply moral values in teaching Thirukkural and to identify the problems faced by teachers in order to infuse moral values in teaching Thirukkural. Researcher used qualitative method to collect data to reach the objectives of this study. Hermeneutic approach was used to observe teacher's teaching and analyse document to reach the first objective. Interview was carried out to identify the problem faced by the teachers on infusing moral values in teaching Thirukkural. The finding of this study indicates that teachers used story telling as a technique to infuse the moral values. Time constraints and deficiency of learning aid are the problem faced by the teachers on infuse moral values in teaching Thirukkural. In conclusion, this study shows that teaching moral values in teaching Thirukkural infused moral values among students.

**Keywords:** Infusion, Moral Values, Thirukkural, Tamil language, Secondary School, Hermeneutic approach.

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan nilai murni dalam pengajaran Thirukkural Bahasa Tamil dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran Thirukkural. Selain itu, kajian ini juga berobjektif untuk menganalisis masalah yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai murni. Pengkaji menggunakan kaedah Hermeneutik untuk mencapai objektif kajian ini. Pengkaji telah memerhati pengajaran guru dan menganalisis dokumen untuk mencapai objektif pertama. Bagi mencapai objektif kedua pengkaji telah menemui bual guru untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka dalam menerapkan nilai-nilai murni melalui Thirukkural. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan teknik bercerita untuk menerapkan nilai murni dan kekangan masa serta kekurangan bahan bantu mengajar merupakan masalah yang dihadapi oleh guru. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran karya Thirukkural dapat menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

**Kata kunci:** Penerapan, Nilai-nilai murni, Karya Thirukkural, Bahasa Tamil, Sekolah Menengah, Kaedah Hermeneutik

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 10<sup>th</sup> April 2021, revised 27<sup>th</sup> April 2021, accepted 20<sup>th</sup> May 2021

## Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan konsep melahirkan manusia yang seimbang dari segi emosi, intelek, rohani dan jasmani (JERI). Matlamat FPK ini menjuruk kepada kesepaduan pendidikan dengan penerapan nilai-nilai murni. Secara umumnya, keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPK akan dapat dicapai jika pelajar dapat merealisasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2014)<sup>1</sup>.

Menurut Khairi Othman (2010)<sup>2</sup>, FPK berupaya memberi peluang kepada pelajar untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi dan kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan kepada agama yang dianuti. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai murni perlu menjadi dasar kepada kurikulum pendidikan kebangsaan agar kesepaduan dan keseimbangan dalam kalangan murid supaya dapat melahirkan murid yang berakhlah mulia.

Dalam proses melahirkan remaja yang bertanggungjawab, guru-guru memainkan peranan penting dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar melalui Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Tetapi, mereka gagal dalam melakukan peranan mereka dalam membina pelajar yang berakhlah mulia. Hal ini terbukti melalui peningkatan kes masalah tingkah laku pelajar seperti masalah buli, vendalisme, gangsterisme, dan kes-kes jenayah yang lain di negara kita. Hal ini terbukti daripada dada-dada akhbar sering memaparkan tentang isu-isu salah laku pelajar. Misalnya, keratan akhbar memaparkan bahawa sebanyak 15, 506 kes kesalahan berkaitan

salah laku pelajar direkodkan di Kinta Utara, Perak pada tahun 2019 (Berita Harian, Januari 2020)<sup>3</sup>.

Bhasah Abu Bakar (2003)<sup>4</sup> menyatakan bahawa nilai-nilai murni merujuk kepada set tingkah laku baik yang ditujukan oleh pelajar dan boleh menilai melalui pemerhatian secara langsung. Menurut Rashid (2002)<sup>5</sup>, nilai-nilai murni ini boleh diterapkan melalui semua mata pelajaran dan diperkuatkan pula melalui kegiatan-kegiatan kurikulum serta pembentukan budaya sekolah yang positif. Secara ringkasnya, kedua-dua bentuk kurikulum sama ada formal dan tidak formal iaitu sewaktu pembelajaran dan aktiviti kurikulum boleh digunakan sepenuhnya dan secara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni akan berhasil dan berkesan.

PdPc Bahasa Tamil di sekolah menengah bermula selepas pelajar tamat darjah enam di sekolah rendah. Murid yang tamat pengajian iaitu darjah enam di sekolah rendah boleh mempelajari mata pelajaran Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan di sekolah. Pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil menguasai Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan PdPc Bahasa Tamil yang dilaksanakan di sekolah menengah (Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan, KPM 2014)<sup>6</sup>.

Secara keseluruhannya, penerapan nilai-nilai murni dalam PdPc Bahasa Tamil dapat membentuk pelajar yang berakhhlak mulia. Guru mata pelajaran Bahasa Tamil memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai murni melalui mengajar komponen-komponen yang terdapat dalam pengajaran Bahasa Tamil. Kajian ini, secara keseluruhannya menumpukan sejauh manakah para pendidik menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran Thirukural bagi pelajar tingkatan empat. Kajian ini dapat menjadi panduan kepada guru mata pelajaran Bahasa Tamil supaya dapat menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar. Menurut Arifin dan Dan (2002)<sup>7</sup>, kurikulum dalam sistem pendidikan mampu menyusun dan membentuk masyarakat madani.

## Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar tingkatan empat melalui pengajaran Thirukural.
- ii. Menganalisis teknik yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar tingkatan empat melalui pengajaran Thirukural.

## Persoalan Kajian

- i. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar tingkatan empat melalui pengajaran Thirukural?
- ii. Apakah teknik yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar tingkatan empat melalui pengajaran Thirukural?

## Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah Hermeneutik bagi mencapai objektifnya. Mueller (1997)<sup>8</sup> menyatakan bahawa Hermeneutik adalah seni pemahaman dan bukan bahan yang telah difahami. Hermeneutik merupakan sebahagian daripada seni pemikiran dan berlatarkan falsafah. Menurut Suppiah Nachiappan et.al (2016)<sup>9</sup>, kaedah Hermeneutik digunakan untuk menganalisis dan interpretasi teks bagi mengetahui pemikiran dan perasaan seseorang terhadap aspek yang dikaji.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temua bual sebagai instrumen bagi mendapatkan data. Pengkaji telah menemu bual tiga orang guru yang menagjar mata pelajaran Bahasa Tamil dari sekolah menengah harian di daerah Batang Padang. Data yang dikumpul melalui temubual telah diinterpretasikan kepada teks bagi menjawab persoalan kajian ini.

## Dapatan Kajian

Pengkaji telah menganalisis teks penulisan yang ditulis oleh guru dalam borang soalan berbentuk pendapat guru. Pendapat guru daripada soalan pertama dan soalan kedua telah diinterpretasikan dengan berpandukan prinsip-prinsip yang terdapat dalam pendekatan Hermeneutik.

### Jadual 1

*Analisis masalah yang dihadapi oleh guru dalam penerapan nilai-nilai murni melalui pengajaran Thirukural kepada pelajar tingkatan 4.*

---

### Soalan Berbentuk Pendapat Guru

- I. Pada pendapat saya, kekangan masa merupakan salah satu masalah dalam menerapkan nilai-nilai murni melalui pengajaran Thirukural. Hal ini kerana, saya terpaksa menghabiskan komponen-komponen yang akan dinilai dalam peperiksaan. Oleh itu, saya selalu menyuruh pelajar untuk mengafal Thirukural dan maksudnya supaya mereka dapat mendapat markah penuh. Keadaan ini tidak memberi peluang untuk saya bagi mengajar Thirukural dengan menghuraikan maksudnya lebih dalam dan mengaitkannya dengan kehidupan pelajar.
- II. Sebagai seorang guru, saya berasa masalah yang dihadapi dalam menerapkan nilai murni adalah kurang alat bantu mengajar. Saya selalu menggunakan buku teks untuk mengajar Thirukural tetapi ia tidak cukup untuk mengajarnya dengan lebih mandalam. Ketiadaan alat bantu seperti situasi ataupun teks pemahaman yang relevan menjadi masalah yang dihadapi oleh guru dalam nilai-nilai murni melalui pengajaran Thirukural kepada pelajar tingkatan empat.
- III. Pada pendapat saya, kurang pendedahan tentang penerapan nilai-nilai murni juga salah satu masalah. Guru-guru tidak mempunyai kefahaman yang mendalam tentang penerapan nilai-nilai murni dalam PdPc. Oleh itu, kebanyakan guru tidak menyentuh aspek ini secara mendalam. Kekurangan rujukan berkaitan teknik bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam PdPc Bahasa Tamil menyebabkan situasi sebegini berlaku.

---

### Interpretasi Teks

- I. Responden menghadapi masalah kekangan masa dalam penerapan nilai-nilai murni melalui pengajaran Thirukural. Guru terpaksa memberi keutamaan komponen-komponen yang akan dinilai dalam peperiksaan. Oleh itu, responden tidak dapat memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai murni.
  - II. Kurang alat bantu mengajar juga salah satu masalah yang dihadapi oleh responden.
  - III. Kurang pendedahan tentang penerapan nilai-nilai murni dalam PdPc.
  - IV. Kurang rujukan berkaitan teknik bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam PdPc Bahasa Tamil
- 

### Masalah dalam penerapan nilai murni melalui pengajaran Thirukural.

- I. Kekangan masa
  - II. Kurang alat bantu mengajar
  - III. Kurang pendedahan
  - IV. Kurang rujukan
- 

### Perbincangan Interpretasi berdasarkan soalan kajian melalui kaedah Hermeneutik

Berdasarkan hasil dapatan kajian, masalah yang dihadapi oleh murid dapat dibahagikan kepada pelbagai aspek. Berikut adalah masalah yang dihadapi oleh guru dalam penerapan nilai-nilai murni melalui pengajaran Thirukural kepada pelajar.

Kekangan masa

Kurang alat bantu mengajar

Kurang pendedahan kepada guru tentang penerapan nilai murni

Kurang rujukan berkaitan penerapan nilai murni

---

Berdasarkan jadual, guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil mengalami kekangan masa untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar kerana kekurangan waktu PdPc bagi mata pelajaran Bahasa Tamil. Selain itu, kekurangan alat bantu mengajar yang relevan bagi menerapkan nilai murni dan kurang pendedahan kepada mereka berkaitan penerapan nilai murni turut menjadi masalah kepada guru. Kekurangan rujukan yang menerangkan penenrapan nilai murni dan teknik-teknik yang boleh diguna juga merupakan masalah kepada guru dalam menerapkan nilai-nilai murni terhadap pelajar tingkatan empat.

**Jadual 2**

*Menganalisis teknik yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar tingkatan empat melalui pengajaran Thirukural.*

**Soalan Berbentuk Pendapat Guru**

- I. Saya menggunakan teknik bercerita. Saya akan menceritakan satu situasi kepada para pelajar sebelum mengajar Thirukural. Selepas itu, saya akan menghubungkait maksud Thirukural dengan cerita tersebut. Saya juga akan bertanya pendapat pelajar tentang kisah tersebut. Melalui ini, saya dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.
- II. Dalam pengajaran Thirukural, saya akan menggunakan teknik tayangan video. Saya akan mentayangkan video iaitu adegan daripada filem Tamil untuk memaparkan situasi kepada pelajar. Melalui menonton situasinya, para pelajar dapat menerapkan nilai-nilai murni. Tayangan video memang amat efektif kepada para pelajar kerana mereka suka menonton filem.
- III. Saya akan menggunakan pemahaman teks yang berkaitan Thirukural. Saya akan menggunakan buku teks sebagai alat bahan mengajar kerana ia mengandungi pemahaman teks untuk meningkatkan kefahaman Thirukural dalam kalangan para pelajar. Dengan ini, saya dapat menghubungkaitkan situasi pemahaman teks dengan kehidupan pelajar.

**Interpretasi Teks**

- I. Responden akan menggunakan teknik bercerita dalam penerapan nilai-nilai murni melalui pengajaran Thirukural. Situasi melalui cerita tersebut akan dikaitkan dengan Thirukural dan pendapat pelajar akan ditanya oleh responden.
- II. Teknik tayangan video berkaitan adegan filem akan ditayangkan oleh responden apabila mengajar Thirukural bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.
- III. Responden menggunakan pemahaman teks iaitu daripada buku teks sebagai alat bantu mengajar. Pemahaman teks akan dikaitkan dengan kehidupan para pelajar bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

**Masalah dalam penerapan nilai murni melalui pengajaran Thirukural.**

- I. **Teknik bercerita**
- II. **Teknik tayangan video**
- III. **Pemahaman teks**
- IV. **Buku teks Bahasa Tamil**

### Perbincangan Interpretasi berdasarkan soalan kajian melalui kaedah

Berdasarkan hasil daripada dapatan kajian, guru-guru mata pelajaran Bahasa Tamil menggunakan pelbagai teknik untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar. Berikut ialah teknik yang digunakan oleh guru.

- Teknik bercerita
- Teknik mentayangkan video
- Pemahaman teks
- Buku Teks Bahasa Tamil

Berdasarkan jadual di atas, guru menggunakan teknik bercerita dan teknik tayangan video bagi menerapkan nilai-nilai murni terhadap pelajar melalui pengajaran Thirukural. Satu situasi tentang maksud Thirukural diceritakan atau ditayangkan kepada pelajar supaya mereka dapat mengambarkan dan menghubungkaitkan maksud Thirukural yang diajar. Selain itu, pemahaman teks daripada Buku Teks Bahasa Tamil turut digunakan bagi menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar.

### Kesimpulan

Penerapan nilai-nilai murni terhadap pelajar melalui Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) amat penting bagi melahirkan manusia yang berakhhlak mulia. Dalam membentuk manusia yang berakhhlak mulia, guru memainkan peranan yang penting. Sebenarnya, penerapan nilai-nilai murni ini bukan perkara yang asing daripada PdPc. Oleh itu, guru perlu menerapkan nilai-nilai murni melalui PdPc Bahasa Tamil dengan menggunakan pelbagai teknik supaya dapat melahirkan manusia yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

### Rujukan:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan (Bab 4-8)[National Curriculum Development Policy(Chapters 4-8)]*. Putrajaya: Curriculum Development Division
2. Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). *Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni [The Role of Schools and Teachers in the Development of Student Values through the Application of Moral Values]*:One highlight. SEA Journal of General Studies.
3. Berita Harian, Januari 2020
4. Bhasah Abu Bakar. (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah [Basics of Classroom Measurement]*. Tanjung Malim: Quantum Books.
5. Rashid, A. R. (2002). *Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial Teori dan Amalan [Teaching and Learning of Social Science Theory and Practice]*. Kuala Lumpur: University of Malaya Publishers.

6. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Pra Sekolah hingga Lepas Menengah)[Malaysia Education Development Plan 2013-2025 (Pre-School to Post-Secondary Education)]*. Putrajaya: Malaysia Education Ministry.
7. Arifin, T. & Dan, N. A. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia Pendekaran Bersepadu [Integrated Education and Human Development]*. Bandar Baru Bangi: As- Syabab Media
8. Miller, N. E. & Dollard, J. (1941). *Social learning and imitation*. New Haven, CT: Yale University Press.
9. Suppiah Nachiappan. (2016). *Kaedah Hermeneutik: Kaedah Interpretasi Teks Secara Kualitatif [Hermeneutic Methods: Methods of Qualitative Text Interpretation]*. Tanjung Malim: Publisher of Sultan Idris University of Education.